

KE MANA HENDAK DIBAWA...?

KADI-KADI SINGAPURA MEMBELAKANGKAN USUL-USUL SYARAK?

Kalau diperhatikan daripada senario nikah kahwin dan cerai di Singapura ini maka akan kita dapati perceraian hampir-hampir meningkat kepada 50 dan 60 peratus daripada angka-angka perkahwinan yang di dalamnya banyak orang sedang terfikir-fikir dan mencari-cari akan sebab-sebab yang menjadikan keadaannya sedemikian itu. Sebab-sebab itu kalau dicari dan diselidiki dengan saksama menurut pandangan saya adalah oleh kerana yang terbanyaknya atas kewajipan atau keteledoran kadi-kadi di sini kepada usul-usul syarak tentang bagaimana menghadapi masalah perceraian di antara suami isteri itu saya tidak dapat dapat menetapkan adakah sebab-sebabnya kewajipan itu terjadi dengan kerana mereka memandang bahawa yang demikian itu menjadi mata pencarian yakni apabila banyak kahwin dan banyak cerai maka pendapatan atau perolehan mereka akan bertambah terutamanya pula dalam urusan cerai adalah dikatakan selalu dituntut perbelanjaan pergi kesan sini yakni berjumpa dengan pihak-pihak yang berkenaan dengan permintaan yang lebih: Atau adakah dengan kerana sebab-sebab yang lain daripada itu.

TAKLIK MENJADI SENJATA

(oleh Edrus)


Sebab-sebabnya ditelah demikian itu ialah oleh kerana telah dilazimkan tiap-tiap perkahwinan itu diadakan taklik. Sungguhpun taklik itu diluluskan dan dibenarkan tetapi daripada apa yang zahir bahawa di dalam perceraian-perceraian yang terjadi taklik itu diijadikan senjata oleh kadi dengan leluas yakni apabila datang sesuatu pengaduan si suami tidak memberi nafkah dalam masa tiga bulan. Yang lazimnya apabila diterima pengaduan itu, sebagaimana yang biasa kita ketahui dengan tidak cukup pemeriksaan yang saksama, mengikut syarat-syarat yang diluluskan. Maka dengan taklik itu sahaja terjatuhlah cerai kepada si isteri itu dengan kuatkuasa kadi iaitu suatu perkara yang sangat-sangat didukacitakan dengan kerana nampaknya menjadi suatu punca memudahkan jalan-jalan dan cara bercerai itu.

Menurut pandangan saya, cara-cara yang dijalankan itu adalah sama sekali melanggar usul-usul syarak. Kerap kali terjadi perbalahan di antara suami dengan isteri yang kemudian didatangkan pengaduan kepada kadi. Setelah aduan diterima, tiga bulan kemudian maka datang lagi aduan perempuan menyatakan dalam masa itu tidak ada perbelanjaan diberi dan dengan

pengaduan itu, dengan kerana taklik tadi dijatuhkan hukum cerai – beginilah nampaknya perkara-perkara yang terjadi pada hal dengan terang Islam mengusulkan “apabila terbit perselisihan di antara kedua mereka itu maka hendaklah dilantik seorang hakim bagi pihak lelaki dan seorang hakim bagi pihak perempuan” “untuk menyelesaikan perbalahan di antara kedua pihak itu dengan cara damai sebelum menjalankan langkah-langkah atau kuasa-kuasa untuk menceraikan mereka itu. Saya suka bertanya adakah langkah-langkah yang demikian ini pernah dijalankan oleh kadi-kadi di Singapura? Jawabnya kalau ada pun sangat sedikit.

Saya berani mengatakan yang demikian itu oleh kerana ada satu perkara yang telah terjadi yang mengenai dengan perkara yang bersabit dengan hakim yang dikehendaki yang hingga pada menulis ini, semenjak awal tahun 1950 belum dapat penyelesaian yang secara memuaskan. Ada pun ceritanya yang saya ketahui begini:

Pada awal tahun 1950 di dalam satu perkara yang dikatakan terbit perselisihan di antara seorang suami dengan isterinya yang mengadu bahawa suaminya kerap kali memukul kepada isterinya. Dengan sebab aduan itu dengan sekali bicara sahaja kadi memutuskan khuluk (tebus talak) dan menyatakan kepada suami, di dalam suratnya yang saya baca dengan bayaran sebanyak \$75.00.



Suatu pemandangan di Wadi Oman-Hadramaut, negeri yang mempunyai Adabiat yang lama ini harus di dalam sedikit lagi akan menerima percubaan yang hebat kerana di sana dikatakan telah didapati telaga minyak kemewahan hidup nanti harus akan mencuba akhlak mereka.

dan menuntut supaya suami menerima perkara itu pihak suami telah menolak dan dengan kerana itu maka pihak perempuan dikatakan menuntut mas kahwin hutang dan sara hidup pihak suami telah menghantarkan sara hidup itu bersama dengan mas kahwinnya dan isteri hanya mahu menerima mas kahwin sahaja lalu menolak perbelanjaan yang diberi (surat tentang ini ada di tangan saya). Tidak lama kemudian maka datang surat kadi kepada suami menyatakan bahawa perempuan ini menuntut belanja dan kerana belanja tidak diberi semenjak maka hukum taklik akan dijalankan yakni “apabila suami tidak memberi perbelanjaan selama tiga bulan jika mengadu kepada kadi dan disabitkan pengaduannya maka gugurlah talaknya.”

Sebelum terjadi tuntutan yang akhir ini, kalau saya tidak khilaf, suami telah datang kepada saya meminta nasihat dan dengan kerana permintaan yang bersangatan, dengan pengakuan akan taat kepada apa jua keputusan-keputusan yang didapati, ia melantik saya sebagai hakimnya dan dengan kerana itu ia menulis sepucuk surat menyatakan ia melantik seorang hakim bagi pihaknya dan meminta supaya kadi mengesyorkan pihak perempuan melantik seorang hakim bagi pihak perempuan itu mengikut sebagaimana yang dikehendaki apabila terbit perselisihan di antara suami dengan isteri.

Akhirnya setelah dilauangi beberapa kali dengan surat

menyurat maka perkara hukum itu terdiam begitu sahaja sehingga akhirnya dengan kehendak suami. Maka sepucuk surat telah ditulis kepada seorang kadi yang campur juga dalam perkara ini menyebutkan nama saya sebagai hakim. Surat inipun tidak juga dijawab dan hakim pun tidak dipanggil sehingga pada satu masa yang akhir yakni lebih kurang sebulan yang lalu pihak perempuan meminta saya supaya berjumpa mereka dan suatu perjumpaan pun telah diadakan di rumah seorang sahabat saya dan mendengar segala pengaduan-pengaduan serta tuntutan pihak saya isteri di dalam mana saya menyatakan bahawa saya akan menyampaikan tuntutan-tuntutan itu, dan akan menjawabnya di dalam suatu masa yang tidak ditentukan sehingga saya berjumpa dengan suaminya.

Tetapi malangnya dua minggu sesudah itu baharu saya terjumpa dengan suaminya dan setelah mendapat keterangan-keterangan dan kesanggupannya saya lalu berjumpa dengan sahabat saya hendak menerangkan kesanggupan suami ini tetapi sahabat saya mengangkat bahu mengatakan ia tidak campur. Lebih kurang seminggu kemudian seorang kadi telah datang ke pejabat saya meminta supaya saya menasihati suaminya untuk menceraikan isterinya. Permintaan ini saya tolak kerana sebelum berhadapan dan berbasah atau mengadakan perundingan di antara kedua-dua pihak dengan cara yang terbuka saya tidak dapat menasihatkan suaminya menceraikan isterinya sebelum menerima keadilan yang sempurna mengikut usul-usul yang dikehendaki oleh syarak-pada hal kadi itu sendiri dihadapan saya dan di hadapan dua tiga orang sahabat saya mendengar pengakuan suami itu bahawa “ia taat kepada keputusan yang didapati nanti oleh hakimnya.” Yang diberi janji oleh kadi itu akan diadakan perjumpaan sebagaimana yang termesti tetapi hingga hari ini masa yang ditentukan perjumpaan itu tidak didengar suatu pun daripada kadi itu bahkan tidak lama kemudian daripada itu tiba-tiba perkara itu ada di dalam penyiasatan pihak polis.

Saya bertanya kepada diri saya apa sebab kadi itu enggan mengadakan hakim pada hal syarak mengkehendaki supaya tiap-tiap perselisihan itu tidak boleh diceraikan

SALAH FAHAM-KATA SULTAN KEDAH

lebih dahulu sehingga kedua-dua pihak telah melantik hakimnya dan apakala kedua-dua pihak mereka itu putus asa daripada mendapat perdamaian maka baharulah boleh dipisahkan mereka itu. Cara ini ialah cara islah yang wajib dijalankan oleh tiap-tiap kadi untuk menjauhkan sesuatu perceraian yang terkadang-kadang terbitnya daripada sebab-sebab berang Panas hati, bunting dan seumpamanya—yang semuanya itu wajib ditenangkan supaya ada perdamaian—bukan dengan segera “mesti diputuskan supaya bercerai yang tiap-tiap seorang akan menjadi syak bahawa langkah-langkah yang sedemikian itu nampaknya mencari untuk kegunaan nafkah mereka.

Perkara yang diatas ini sebenarnya hanya satu contoh jua. Banyak perkara-perkara yang terjadi yang sampai ke pengetahuan saya dan ada pula yang mengadu perkara-perkara itu kepada saya sehingga di antaranya ada yang mengadukan yang isterinya telah dikahwinkan kepada orang lain. Dengan kerana kahwin mengikut usul-usul Islam akan menodai nama baik sekalian umat Islam di sini maka saya berharap supaya pihak pertadbiran mentadbirkan jabatan juru nikah dan kahwin dengan suatu pertadbiran yang teratur dan sempurna supaya perceraian berkurang. Perbuatan sewenang-wenang tidak berlaku dan perkara-perkara yang tidak digemari tidak terjadi kerana harus jika diberikan begitu sahaja orang akan gelap. Maka dan melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan keamanan dan kesejahteraan dalam bandar ini adanya.

Harap Perhati!

Majalah Qalam bilangan yang lalu (bilangan 29) adalah diperingatkan bahawa majalah itu dicetai dan diterbitkan oleh Abdullah bin Hamid Al-Edrus dipercetakkan Qalam 356 dan 358 Geylang Road Singapura 14. Dengan ini diharap mendapat perhatian pembaca-pembaca atas kekhilafan yang tersebut.

Menurut siaran akhbar tempatan bahawa Sultan Kedah berasa dukacita atas terbitnya salah faham orang ramai atas ucapannya pada 24.9.52 yang dipandang oleh orang ramai menuduh penuntut-penuntut Melayu yang edang belajar agama di Mesir dengan perbelanjaan sendiri adalah senang dipengaruhi oleh faham komunis. Perkara ini adalah dinyatakan oleh setiausaha sulit Sultan Kedah kepada penuntut-penuntut di Mesir sebagai jawapan kepada surat-surat mereka.

Di antara lain-lain surat itu menyatakan bahawa maksud ke hadapan Duli Tuanku ialah penuntu-penuntut yang dihantar pergi belajar ilmu agama Islam di Mesir sepatutnya hendaklah diatur supaya mereka itu dapat perbelanjaan yang cukup dalam masa menuntut pelajaran di sana. Besar cederanya jika kekurangan perbelanjaan mereka kerana yang demikian tidak dapat mereka itu duduk dengan sempurna dan bercampur dengan orang yang patut-patut.

Sebaliknya oleh kerana kekurangan perbelanjaan mereka itu tidak merasai senang hati dan mudah tertarik pada kaum orang-orang yang rendah darjatnya dan di sini tidak terlindung mereka itu daripada termakan racun komunisme. Kata surat itu.

Akhirnya Sultan Kedah mengucapkan terima kasih di atas akuan penuntut-penuntut itu yang telah sedia faham segala hal komunisme dan tidak sekali-kali akan menerima hasutan atau fitnah yang datang dari pihak tersebut.

Sekianlah menurut siaran akhbar tempatan.